

16/04/1998

Wanita Alor Gajah kempen melabur dalam Asnita

MELAKA, Rabu - Wanita Umno bahagian Alor Gajah akan berkempen menggalakkan wanita melabur dalam skim Amanah Saham Wanita (Asnita) yang bakal dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mei ini.

Kempen itu akan diadakan sempena majlis ramah mesra bersama-sama pemimpin yang dianjurkan oleh Wanita Umno bahagian itu di Wisma Umno Masjid Tanah pada 1 Mei ini.

Ketua Wanita Umno bahagian Alor Gajah, Latipah Omar, berkata lebih 200 pemimpin wanita di peringkat bahagian serta cawangan dan isteri wakil rakyat dalam kawasan Parlimen Gajah yang dijangka hadir di majlis itu, akan diberi penerangan mengenai Asnita.

Katanya, penerangan itu pula diharap akan dapat disampaikan pula kepada wanita di kawasan masing-masing supaya bersedia menabung untuk melabur dalam skim Asnita.

"Wanita Umno bahagian Alor Gajah mahu memastikan wanita di kawasan ini turut merebut peluang melabur dalam Asnita yang bakal ditawarkan pada harga 50 sen seunit," katanya di sini, hari ini.

Menurutnya, pelaburan ini sudah tentu membolehkan wanita dalam kawasan Parlimen Alor Gajah turut sama menabung serta sekali gus menyumbang ke arah pemulihan kegawatan ekonomi negara.

Beliau berkata, kempen Asnita serta majlis ramah mesra itu akan dibincangkan dalam mesyuarat pertama Wanita Umno bahagian Alor Gajah selepas mengadakan pemilihan pada bulan lalu.

Katanya, majlis ramah mesra itu juga bertujuan merapatkan hubungan serta mengukuhkan semula perpaduan ahli selepas menghadapi pemilihan dalam semangat kekeluargaan, bulan lalu.

(END)